

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	29 JAN 2015

Najib edar sampul angpau percuma

» Rakan Facebook 'Ah Jib Gor' hanya perlu tekan 'Like'

► Kuala Lumpur

Sempena Tahun Baharu Cina yang akan disambut pada 19 Februari ini, Datuk Seri Najib Razak, mengedarkan sampul angpau secara percuma menerusi laman Facebook 'Ah Jib Gor' bermula semalam.

"Sambutan' Tahun Baharu Cina akan tiba tidak lama lagi, kami akan mengedarkan sampul angpau 'Ah Jib Gor' edisi khas secara percuma kepada peminat-peminat," menurut kenyataan berbahasa Mandarin yang disiarkan melalui laman Facebook itu.

Menurut laman web Facebook 'Ah Jib Gor', peminat hanya perlu tekan 'Like' pada laman itu dan mengisi butiran peribadi seperti alamat rumah, nama penuh dan nombor telefon masing-masing menerusi pautan: https://www.facebook.com/ahjibgor/app_161683100556760.

Sampul angpau itu berwarna merah dan memaparkan karikatur Najib dengan baju tradisional Cina serta karakter kartun kambing yang dicetak perkataan 'Selamat Tahun Baharu Cina'

dalam warna emas.

10 keping sampul

Setiap paket mengandungi 10 keping sampul angpau dan akan diedarkan sementara stok masih ada, menurut laman web itu.

Masyarakat Cina akan menyambut Tahun Kambing pada 19 Februari ini. 'Ah Jib Gor' adalah Facebook Najib dalam bahasa Mandarin, mula beroperasi sejak 16 Januari 2012 sebagai satu lagi platform untuk mendekati masyarakat dengan lebih meluas menerusi laman sosial.

'Ah Jib Gor' yang bermaksud 'Abang Najib', diwujudkan untuk memberikan satu lagi forum kepada pengguna media sosial berbahasa Mandarin.

Tingkat mutu pengisian

Sementara itu, Pelan Pemba-



ngunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) 2015-2025 yang akan diumumkan Mac ini, akan menjadi teras ke arah transformasi dan meningkatkan mutu pengajian tinggi negara.

Najib berkata, pelan pembangunan itu telah dibentangkan dalam mesyuarat Kabinet, semalam.

"Insya-Allah, saya yakin ia (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) akan memacu peningkatan prestasi pengajian tinggi negara,"katanya dalam ca-

tatan terbarunya di laman Facebook dan Twitternya, malam tadi.

Ahad lalu, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Prof Datuk Dr Asma Ismail, berkata pelan itu dijangka diumumkan Mac ini dan antara lain bertujuan mentransformasi dan meningkatkan standard pendidikan tinggi negara.

"Pelan ini akan menentukan bentuk graduan yang kita mahu lahirkan, selain menggilap bakat pelajar dan juga pensyarah," kata Dr Asma

BERNAMA



Sampul angpau khas Tahun Baharu Cina yang akan diedarkan secara percuma kepada rakan Facebook 'Ah Jib Gor'.